

## JEMPUTAN MENYERTA PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO PPM 2015



Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) akan menyambut ulang tahun yang ke-60 penubuhannya pada 2015 berhasrat untuk mencipta logo penubuhan bagi menggantikan logo sedia ada. Logo ini akan menjadi tanda pengenalan imej penubuhan dan akan digunakan sebagai logo rasmi di mana-mana penerbitan media cetak dan elektronik PPM bagi tujuan promosi dan aktiviti/program rasmi PPM.

Logo ini akan digunakan sebagai perlambangan identiti PPM yang lebih matang sebagai peneraju persatuan dan penubuhan yang menaja di wakil kepada semua pustakawan di Malaysia. Logo yang lebih segar dan mengikut tema yang lebih moden melambangkan PPM telah maju setapak lagi dan mengikut arus perdana.

Pertandingan ini diadakan untuk:

- 1) Memberi peluang kepada persatuan memilih logo terbaharu untuk menggantikan logo sedia ada.
- 2) Mewujudkan logo baharu PPM sempena ulang tahun ke-60 bagi menggambarkan kematangan usia penubuhan, fungsi dan peranan PPM.
- 3) Memberi peluang dan ruang ahli PPM untuk bersama-sama menyumbang dalam idea yang kreatif dan inovatif di dalam mencipta logo PPM yang baharu.

### SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Berikut adalah syarat-syarat pertandingan mencipta logo PPM baharu:

- a) Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua.
- b) Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo dan tema akan dipilih sebagai pemenang.
- c) Semua ciptaan mestilah asli dan tidak diveduk/ ditiru/diciplak dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar negara.
- d) Semua logo dan tema yang diterima oleh Urus Setia Pertandingan Logo PPM akan menjadi hakmilik PPM dan tidak akan dikembalikan. PPM berhak ke atas logo dan tema yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau majlis rasmi PPM
- e) Pemenang akan menerima hadiah wang tunai beserta sijil penyertaan.



## **SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO**

- a) Reka Bentuk mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ciplak.
- b) Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21 cm x 29.7cm) berwarna putih dalam komputer grafik dan juga disediakan dalam bentuk softcopy menggunakan format AI (Adobe Illustration) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 atau menggunakan software terkini yang bersesuaian.
- c) Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan.
- d) Reka cipta logo hendaklah menggambarkan mengenai objektif, fungsi dan visi PPM.
- e) Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas

## **SPESIFIKASI TEMA**

- a) Setiap tema yang dihantar hendaklah mengandungi perkataan 'PPM'
- b) Tema yang dicipta hendaklah menekankan fungsi dan tugas PPM
- c) Setiap tema yang dikemukakan hendaklah disertai dengan penerangan yang jelas dan tepat;
- d) Penciptaan tema mestilah karya asli peserta (panel penilai / urus setia berhak untuk menolak penyertaan sekiranya didapati tidak asli);
- e) Tema tersebut hendaklah dikaryakan dalam Bahasa Melayu sahaja;
- f) Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang yang telah disediakan
- g) Semua penyertaan hendaklah menggunakan borang rasmi yang disediakan oleh pihak urus setia. Borang penyertaan boleh dibuat salinan.
- h) Tema yang dikaryakan TIDAK boleh menyentuh isu-isu sensitif/agama/bangsa dan menggunakan perkataan kurang sopan.



## **PENGHANTARAN PENYERTAAN**

Ta rikh tutup penyertaan adalah pada 14 Ogos 2015 (Jumaat). Setiap penyertaan haruslah disertakan dengan borang penyertaan. Borang penyertaan boleh diperolehi dengan menghubungi pihak urusetia dengan cara email ke ppm60logo@gmail.com. Penyertaan lengkap (cetakan dan CD/DVD) boleh diserahkan kepada pihak urusetia melalui :

1. Serahan Sendiri - Hadir ke Perpustakaan Universiti Malaya : Bahagian Meja Rujukan atau
2. Melalui Pos ke Alamat –

Urusetia Pertandingan Mencipta Logo PPM 2015  
University of Malaya Library  
Lembah Pantai  
50603  
Kuala Lumpur, Malaysia.

## **HADIAH PEMENANG**

Hadiah Pertama RM 1000 + Sijil Penyertaan Hadiah Kedua RM 500 + Sijil Penyertaan Hadiah Ketiga RM 300 + Sijil Penyertaan Saguhati x 2 RM 150 + Sijil Penyertaan

## **PERTANYAAN**

Anda boleh menghubungi urusetia di talian - Puan Haniza Adnan Tel : 03-7967 3354 Puan Norida Abu Bakar Tel : 03-7967 3357 Puan Siti Juryiah Mohd Khalid Tel : 03-7967 3357

Email : ppm60logo@gmail.com

Facebook : PPM Logo Design Competition





## BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO PPM 2015

### BORANG PENYERTAAN

#### A. BUTIRAN PESERTA

Nama : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
No. Keahlian PPM : ..... (sekiranya ada)  
Alamat : .....  
Emel : .....  
No. Telefon : .....

#### B. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa idea, konsep dan penerangan berkaitan logo / tema yang saya peroleh serta hasil karya logo / tema yang saya sertakan dalam pertandingan ini adalah hasil usaha saya sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, diciplak dan diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain.

Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini dan akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan logo ini.

Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

(Borang penyertaan hendaklah dilampirkan bersama hasil karya logo / tema)

